



KHAIRY Jamaluddin, Dr Noor Azlan (tiga dari kiri) dan Tunku Imran (dua dari kiri) bersama sukarelawan menyanyikan lagu Gemuruh Jiwa selepas Program Latihan Sukarelawan Sukan SEA 2017 di Universiti Kebangsaan Malaysia.

13,000 sukarelawan Sukan SEA ke-29 dipilih

Bangi: Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar mahu semua sukarelawan Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 memberi komitmen penuh bagi memastikan Malaysia menjadi tuan rumah terbaik dalam sejarah penganjuran temasya berkenaan.

Khairy berkata, pihaknya menerima keseluruhan 54,000 permohonan namun hanya 13,000 yang dipilih sebagai sukarelawan untuk penganjuran kali ini.

“Sukarelawan diakui adalah ‘Wow Factor’ dalam temasya sukan di seluruh dunia dan mempunyai peranan penting dalam menentukan kejayaan sesuatu penganjuran.

“Kita mempunyai masa yang cukup untuk membuat persiapan iaitu kira-kira enam

bulan lagi sebelum temasya dwi tahunan itu berlangsung dan persiapan kini berjalan lancar.

“Dengan komitmen semua pihak terutama barisan sukarelawan, kita akan buktikan Malaysia mampu menjadi tuan rumah terbaik, mengatasi penganjuran edisi sebelum ini,” katanya kepada media selepas hadir ke program Latihan Umum Sukarelawan Kuala Lumpur 2017 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Hadir sama, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar, Naib Canselor UKM Datuk Seri Noor Azlan Ghazali dan Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Profesor Dr Mohd Ekhwan Toriman.

Menurut Khairy lagi, pihaknya turut mengalu-alukan pembabitan pesara kerajaan untuk menyertai program Sukarelawan Kuala Lumpur 2017 bagi membolehkan mereka berkongsi kemahiran serta pengalaman yang ada dengan golongan muda.

Beliau berkata, sebagai persiapan semua sukarelawan perlu menjalani dua fasa latihan iaitu umum dan spesifik bagi memastikan mereka memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

Katanya, barisan sukarelawan inilah yang akan berada di barisan depan kelak justeru sebagai duta kecil mereka perlu membawa nama dan imej negara dengan sebaik mungkin.